

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN

KAWASAN : SELAYANG

SOALAN :

YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah kontraktor yang terlibat dalam projek pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo bahagian Sarawak. Adakah bilangan ini sampai kuota 30 peratus kontraktor Bumiputera.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya seramai 6 daripada 11 Kontraktor Pakej Kerja (Work Package Contractor – WPC) yang telah dilantik adalah bertaraf kontraktor bumiputera. Manakala di peringkat sub-kontraktor, seramai 435 sub-kontraktor daripada 574 skop kontrak dengan nilai kontrak berjumlah RM5.2 bilion adalah bertaraf kontraktor bumiputera. Antara skop kerja yang diperuntukkan kepada kontraktor bumiputera tersebut adalah pembinaan kawasan Rehat dan Rawat (*Rest and Service Area - RSA*), *layby*, jejantas pejalan kaki, dan hentian bas.

Sekian, terima kasih.